

RASUAH? KATAKAN TIDAK

Nur Syakiran Akmal Bt Ismail
Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang
Md Zawawi Abu Bakar
Fakulti Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Utara Malaysia
04-9284234/3843, nsai@uum.edu.my/zawawi@uum.edu.my

ABSTRAK

Rasuah merupakan isu yang hangat diperkatakan dewasa ini samada dalam bidang politik, perniagaan, personel awam, penguatkuasaan dan sebagainya. Pihak kerajaan memandang serius permasalahan ini. Justeru itu, Pelan Integrasi Nasional dilancarkan oleh Perdana Menteri antara lain sebagai usaha untuk menangani rasuah. Rasuah antara gejala sosial atau jenayah yang sukar di atasi selain daripada gejala dadah di negara kita. Malaysia telah mempunyai undang-undang yang tegas iaitu Akta Pencegahan Rasuah 1997 dalam usaha menanganinya. Begitu juga dari segi penguatkuasaan melalui Badan Pencegah Rasuah atau BPR. Persoalannya, kenapa dan mengapa gejala ini masih lagi berleluasa? Ia bukan sahaja melibatkan pegawai rendah sebaliknya melibatkan orang-orang kenamaan yang berstatus dalam masyarakat. Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang faktor-faktor yang berpunca dari sikap individu itu sendiri. Faktor rasuah sering dikaitkan dengan gaji, peluang dan dasar. Tapi, faktor individu yang terjebak dengan masalah tersebut difokus sebagai punca utama untuk kertas kerja ini. Oleh itu, kertas kerja ini akan memberi cadangan bagaimana seseorang individu cuba melindungi dirinya daripada gejala rasuah dan apakah cara terbaik untuk mengatakan tidak terhadap rasuah. Kertas kerja ini cuba menjelaskan kaedah pendidikan dalaman (psikologi) individu dan ibu bapa sebagai benteng utama membanteras rasuah.

PENDAHULUAN

Rasuah adalah sinonim dengan hadiah. Bezanya, hadiah mungkin diberikan kepada seseorang atas rasa keikhlasan yang sebenarnya. Manakala rasuah dilihat sebagai ganjaran sesuatu ataupun mengharapkan ganjaran tertentu daripada sesuatu pemberian. Ada juga yang beranggapan rasuah ialah wang sogokan atau duit kopi. Ada juga rasuah yang berbentuk material atau lebih mudah disebut sebagai hadiah, tetapi hadiah yang bermaksud ada hasil pulangnya.

Etimologi perkataan rasuah berasal daripada bahasa Arab 'al-riswah'. Istilah rasuah telah digunapakai dalam bahasa Melayu yang bermaksud pemberian untuk menumbuk rusuk iaitu menyogok, menyuap. Menurut undang-undang Malaysia yang terkandung dalam Seksyen 3(a), (b) dan 4(a)(b), Akta Pencegahan Rasuah 1961 (Pindaan 1971) telah mentafsirkan rasuah ialah;

“menerima atau memberi apa-apa suapan sebagai dorongan, upah atau galakkan kepada seseorang untuk melakukansesuatu perbuatan atau untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan yang ada hubungan dengan prinsipalnya.”

Manakala suapan pula, menurut Seksyen 2, Akta Pencegahan Rasuah 1997 ialah;

“wang, derma, pinjaman, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta sama ada alih atau tidak alih atau apa-apa manfaat seumpamanya.”

Secara keseluruhannya, rasuah boleh didefinisikan dengan pelbagai cara. Tetapi maksudnya tetap sama iaitu pemberian atau penerimaan sesuatu yang bertujuan melakukan perkara yang tidak digalakkan sama ada oleh undang-undang atau peraturan harian tertentu yang berkaitan dengan tugas. Amalan rasuah sebenarnya telah wujud sekian lama kerana ianya merupakan satu amalan yang universal. Menurut Syed Husin Al Attas (1980), rasuah muncul sejak masyarakat tradisional lagi. Ini bermaksud masyarakat tradisional dahulu telah mengamalkan budaya memberi hadiah kepada seseorang sebagai penghormatan. Tetapi kini budaya tersebut yang pada asalnya bertujuan mulia telah digunakan sebagai rasuah dalam memenuhi hajat secara cepat. Justeru itu, walaupun isu ini telah dibahaskan diperingkat global dan domestik. Persoalannya, adakah rasuah dapat dihapuskan?

Tiga dekad yang lalu, Gunnar Myrdal (1996) melihat perkataan rasuah adalah suatu perkataan yang sukar disebut atau menjadi agak sensitif untuk sesuatu kajian di negara-negara Asia. Walaupun begitu, kajian mengenai rasuah agak menarik di negara Asia kerana negara Asia adalah antara negara-negara yang terlibat dengan rasuah di tahap yang agak kritikal. Menurut laporan Gosh (1997), dalam “Economic Review” menyatakan negara Asia terlibat dengan rasuah secara besar-besaran pada tahun 1996. Keadaan kian meruncing apabila tahun berikutnya telah berlaku krisis ekonomi di Thailand, Korea Selatan, Malaysia dan Indonesia. Pada tahun tersebut bukan sahaja isu rasuah yang dibangkitkan, malahan isu kronisme, nepotisme, tanggungjawab dan akauntibiliti terhadap pentadbiran awam juga telah dibangkitkan. Isu tersebut menjadi satu cabaran yang besar terhadap pentadbiran awam seperti Malaysia kerana sedang berusaha mengatasi krisis kewangan dan pada masa yang sama perlu menghadapi isu-isu rasuah di kalangan masyarakat.

Mengikut *Corruption Rangking Index* yang dikeluarkan oleh *Transparency International*, negara yang mendapat 10 markah iaitu markah penuh dianggap negara yang bersih dari rasuah. Secara bandingan, markah yang dicapai oleh negara dari tahun 1995 hingga tahun 1997, terdapat penurunan daripada 5.28 pada tahun 1995 kepada 5.01 pada tahun 1997 (Zulkifli Idris, 1998). Masalah rasuah bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang remeh kerana kesan permasalahan tersebut adalah besar khususnya terhadap pembangunan sesebuah negara. Signifikasi rasuah sebenarnya boleh mengganggu pertumbuhan ekonomi negara biarpun masalahnya berkaitan dengan masalah sosial. Tetapi, apabila seseorang yang terjebak dengan rasuah, ia boleh bertindak menyembunyikan pelbagai perkara, termasuklah perkara-perkara penting yang mampu mempengaruhi ekonomi negara. Sebagai contoh, memberi tender kepada kontraktor yang tidak sepatutnya, mungkin menghasilkan kualiti aset yang rendah. Seterusnya, akan berlaku peningkatan kos seandainya aset tersebut perlu diperbaiki, terutamanya aset kekal kerajaan.

Akibatnya belanjawan akan meningkat. Selain itu, masalah rasuah boleh mengakibatkan pelabur-pelabur luar tidak berminat untuk melabur di negara yang terlibat dengan masalah tersebut terutamanya negara sedang membangun seperti Malaysia. Akibatnya, peluang pelaburan akan terlepas ke negara lain dan secara tidak langsung mambantutkan perkembangan ekonomi negara.

Sesungguhnya kesan amalan rasuah sangat besar kepada negara. Lantaran itu ianya perlu diatasi dengan apa cara sekalipun. Sebenarnya perkara yang perlu dititik beratkan ialah mengenalpasti apakah faktor utama yang menjurus wujudnya gejala rasuah secara besar-besaran, seterusnya mengenalpasti cara dan strategi yang terbaik untuk meminimakan masalah tersebut.

PUNCA-PUNCA RASUAH.

Menurut beberapa kajian yang telah dilakukan ke atas negara-negara Asia termasuk Malaysia, penyelidik telah mengenalpasti beberapa punca masalah ini wujud. Menurut Quah (1995), di Asia terdapat dua faktor wujudnya masalah ini iaitu keadaan semulajadi negara-negara tersebut dan keberkesanan kecekapan pemimpin politik untuk mengenalpasti cara membanteras masalah tersebut. Manakala menurut Palmier (1985), terdapat tiga faktor penting yang mempengaruhi wujudnya masalah rasuah iaitu gaji, peluang, dan dasar.

Secara keseluruhan kajian yang dibuat oleh Quah (1995), gaji merupakan faktor utama yang menyumbang ke arah wujudnya masalah rasuah. Gaji yang rendah telah menjadi satu galakkan kepada petugas awam untuk melibatkan diri mereka dengan gejala rasuah. Seringkali pekerja-pekerja awam beranggapan gaji yang disediakan oleh kerajaan di sektor-sektor awam tidak mencukupi. Apatah lagi apabila mereka membuat perbandingan dengan gaji yang disediakan oleh sektor swasta. Masalah gaji awam yang dianggap rendah merupakan anggapan tradisional yang masih dipegang hingga kini. Daripada kajian Quah, beliau menyatakan masalah rasuah di Indonesia bermula sejak zaman kolonial Belanda lagi. Punca rasuah pada ketika itu juga disebabkan oleh gaji yang rendah. Begitu juga dengan negara China di mana rasuah bermula di sana disebabkan gaji pekerja awam yang rendah. Keadaan ini juga merupakan punca atau masalah kepada negara-negara lain yang sering berhadapan dengan isu ini. Oleh sebab itulah seringkali masalah rasuah majoritinya melibatkan pekerja-pekerja awam. Begitu juga dengan negara Malaysia yang mengaitkan rasuah dengan masalah gaji pekerja yang rendah.

Sebenarnya gaji rendah bukanlah faktor utama berlakunya rasuah. Ini kerana rasuah juga berlaku dikalangan personel awam dalam kategori kolar biru, ahli korporat, ahli politik dan sebagainya yang sememangnya bergaji lumayan. Beberapa kes rasuah yang melibatkan golongan elit boleh dijadikan contoh samada diperingkat percabaran mahkamah atau masih dalam siasatan BPR. Kes Tan Sri Eric Chia, Tan Sri Kasitah Gadam, Abdul Kudus Ahmad dan lain-lain. Ini membuktikan bahawa gaji bukanlah faktor utama berlakunya rasuah. Selain itu, jika gaji rendah dikatakan sebagai alasan berlakunya rasuah mengapa tidak semua pekerja berjawatan rendah terlibat rasuah. Kenapa rasuah tidak melibatkan anggota tentera tetapi melibatkan anggota penguatkuasaan seperti polis, kastam, JPJ dan sebagainya? Padahal gaji bagi semua personel tersebut adalah rendah. Justeru itu,

jenis profesion juga boleh menjurus kepada amalan tersebut dan menggambarkan profesion tersebut lebih terdedah kepada amalan rasuah.

Faktor yang ke dua ialah peluang. Peluang juga menjadi penyumbang terhadap masalah ini apabila orang yang terlibat dengan masalah ini dikatakan mempunyai peluang ataupun kesempatan melakukan perkara tersebut. Untuk melakukan rasuah, keadaan yang bersesuaian adalah perlu. Sekiranya seseorang menuntut sesuatu yang dianggap penting daripada pihak kedua, maka pihak kedua yang mengetahui tuntutan tersebut adalah penting untuk orang yang meminta, maka ini telah memberi peluang terhadap pihak ke dua menerima sesuatu ganjaran daripada orang tersebut untuk memastikan pihak kedua memberi apa yang diinginkan oleh orang tersebut. Peluang yang dianggap terbuka luas apabila kedua-dua pihak saling bekerjasama memenuhi kehendak masing-masing dengan mempertaruhkan amalan rasuah sebagai kaedah bagi menjayakan segala keinginan masing-masing. Selain itu, peluang juga boleh dikaitkan dengan contoh di atas di mana jenis profesion boleh menyebabkan peluang terjadinya rasuah.

Selain daripada itu, birokrasi juga dikatakan sebagai suatu peluang wujudnya masalah rasuah di dalam sektor awam. Seringkali karehna birokratik dianggap perkara yang melambatkan sesuatu perkara dalam urusan pengurusan awam. Keadaan menjadi kritikal apabila melalui birokratik, kehendak-kehendak seseorang sering terbatas ataupun lambat. Oleh itu, keadaan ini telah mewujudkan peluang rasuah bagi memastikan kehendak seseorang dalam khidmat awam menjadi lebih cepat. Seheingakan perkara-perkara yang remeh temeh juga dikaitkan dengan rasuah bagi memastikan seseorang yang berkehendakan sesuatu mendapat kehendaknya dengan segera. Contohnya rasuah dikatakan banyak berlaku di Pejabat Tanah bagi mempercepatkan urusan, bahkan ia sudah menjadi amalan biasa di kalangan mereka yang kerap berurusan di jabatan itu.

Dasar sesebuah negara juga dikenalpasti sebagai punca terjadinya rasuah. Seseengah negara kurang menitikberatkan undang-undang berkaitan rasuah. Seseengahnya pula mungkin hanya menyediakan undang-undang tetapi, tidak setimpal dengan kesalahan tersebut. Akibat undang-undang yang tidak begitu ketat menjadi penggalak kepada kewujudan masalah ini. Singapura adalah sebuah negara di Asia yang dikenalpasti sebagai negara yang paling rendah masalah rasuahnya. Singapura yang tidak mampu menaikkan gaji perkerja awam, telah mengatasi masalah tersebut dengan menaikkan jumlah penalti bagi kesalahan rasuah. Walaubagaimanapun sekitar 80-an apabila ekonomi Singapura semakin berkembang, gaji pekerja awam telah dinaikkan bagi memastikan gaji tersebut memuaskan hati pekerja awam dan seterusnya dapat mengatasi masalah rasuah.

Tindakan kerajaan Malaysia selepas Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri dilihat sebagai perang secara besar-besaran terhadap masalah rasuah. Dasar pembasmian rasuah secara drastik ini menunjukkan pada kita bahawa Perdana Menteri amat prihatin tentang masalah ini. Seorang demi seorang VIP yang terlibat dengan rasuah ditahan. Penahanan tanpa memilih pihak yang terlibat menggambarkan dasar negara kita kian tegas dalam menangani masalah ini. Cadangan menaikkan elaun wakil rakyat sehingga 100% mungkin boleh dijadikan alasan sebagai menjadi salah satu cara membasmi masalah ini dalam kerajaan Malaysia.

Sebenarnya, rasuah bukanlah fenomena baru di Malaysia. Ianya wujud bersama wujudnya Malaysia. Kewujudan rasuah telah bermula sejak sejarah peradaban manusia dinodai oleh sifat-sifat tamak dan haloba lagi. Rasuah merupakan satu jenayah yang berat dan ianya mudah menular ke dalam sistem hidup masyarakat kita. Di Malaysia, masyarakat seolah-olah telah lupa bahawa selain dari gaji atau lain-lain ganjaran yang diterima dari pihak majikan juga adalah berunsur jenayah rasuah. Sekiranya mereka ini meminta atau menerima daripada seorang, apa-apa diskaun, komisyen, pemberian, pinjaman, bayaran, hadiah, pelepasan hutang atau perkhidmatan sebagai balasan atas pertolongan yang diberi secara terang telah dianggap rasuah. (Utusan Malaysia, 2000: Rasuah, Sifat Tamak dan Bukan Kerana Bergaji Rendah). Perbuatan meminta imbuhan selain gaji dan elaun yang diberikan majikan adalah berunsur amalan rasuah. Pendapat ini jelas menggambarkan bahawa gaji rendah bukanlah faktor utama terjadinya rasuah, tetapi lebih kepada sikap individu sendiri. Sebahagian penjenayah rasuah sebenarnya telah memiliki segala-galanya dalam kehidupan mereka termasuk rumah dan kereta besar, tanah yang berekar-ekar serta hidup yang begitu mewah, tetapi masih menerima rasuah. Adakah penerimaan rasuah tersebut merupakan suatu kemestiaan yang dianggap hobi atau sememangnya ia memerlukannya sebagai menambah kekayaan yang sedia ada? Hanya pembentukan sikap seseorang sahaja yang mampu menjadi jawapan terhadap persoalan tersebut. Justeru gaji rendah, peluang, birokrasi, penguatkuasaan yang lemah bukan lagi alasan berlakunya rasuah sekiranya terbinanya sikap menolak rasuah dari dalam diri setiap individu.

USAHA MENANGANI RASUAH DI MALAYSIA DAN REALITI MASA KINI

Jenayah rasuah telah wujud sejak zaman berzaman. Pelbagai usaha dilakukan untuk menangani gejala rasuah samada dalam aspek agama, undang-undang, pencegahan dan hukuman. Namun realitinya usaha tersebut belum menampakkan hasil ianya dapat dihapuskan. Antara usaha tersebut ialah:

i. Agama

Hukum Islam terhadap pemberi rasuah dan penerima rasuah adalah jelas iaitu haram. Ini berdasarkan dalil-dalil berikut:

Hadis Rasulullah saw “*Pemberi rasuah dan penerima rasuah masuk neraka*”

Hadis riwayat Abu Daud “*Sesiapa sahaja yang telah kami lantik untuk memegang sesuatu jawatan atau kerja dan kami telah tetapkan pendapatannya atau gaji maka apabila ia mengambil lebih dari apa yang ditetapkan itu dikira sebagai satu penipuan dan rasuah.*”

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan kamu pula menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya) (al Baqarah: 188)

Ini menunjukkan bahawa rasuah bukanlah kesalahan dekad ini sahaja sebaliknya adalah jenayah yang telah wujud sejak zaman Baginda saw lagi. Meskipun hukum

pengharaman rasuah telah jelas di dalam al Quran dan al Sunnah. Namun masih terdapat perlakuan jenayah tersebut terutamanya di kalangan umat Islam.

ii. Akta Mencegah Rasuah

Ia dikenali sebagai Akta Mencegah Rasuah 1961, Akta 57. Hukuman bagi pesalah rasuah yang disabitkan ialah denda tidak lebih RM 10 000 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya.(AMR 1961, Disemak 1971) Walaubagaimanapun hukuman tersebut dipertingkatkan kepada penjara tidak kurang daripada 14 hari dan maksimum 20 tahun penjara; dan denda lima kali ganda nilai suapan yang diterima atau RM 10 000 yang mana lebih tinggi. (AMR 1997)

Hukuman jenayah rasuah dipertingkatkan dari tahun 1961 hingga yang terbaru tahun 1997. Namun pertambahan kes-kes rasuah masih lagi berlaku termasuklah kes-kes yang digelar "*ikan besar*" oleh media.

iii. Badan Pencegah Rasuah

Agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk membendung dan menangani rasuah. Usaha awal dimulakan sejak 1958 lagi oleh Shah Nazir Alam iaitu Ketua Polis Pakistan sehinggalah BPR akhirnya ditubuhkan pada 1967. Shah Nazir telah ditangkap di negaranya atas kesalahan rasuah juga (Ahmad Zaki Hj Husin: 2001) Pada 1973 BPR ditukar kepada BSN (Biro Siasatan Negara) bagi memberi kuasa yang lebih luas kepada Biro. Akhirnya ia ditukar kembali kepada BPR sehinggalah kini. Oleh itu, usia BPR telah melebihi 40 tahun dalam usaha membendung dan menangani rasuah di negara ini.

Walaubagaimanapun, wujud persepsi negatif terhadap BPR meskipun telah cuba melaksanakan tanggungjawab sebaiknya. Contohnya, penguatkuasaan secara pilihan (selective enforcement) iaitu hanya *ikan bilis* ditangkap atau dikenakan tindakan tetapi *ikan jerung* terlepas. (Ahmad Zaki Hj Hussien: 2001) Persoalannya, pencegahan jenayah rasuah tidak boleh disandarkan kepada BPR semata-mata kerana jenayah tersebut masih berleluasa di dalam masyarakat. Justeru pendidikan awal dan budaya anti rasuah di kalangan rakyat mesti diwujudkan.

iv. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)

Ia bertujuan mendidik dan membenteng diri penjawat awam daripada jenayah rasuah. Melaluinya integriti dan akauntabiliti personel awam cuba diwujudkan dan secara tidak langsung dapat menghindari amalan rasuah.

MEWUJUDKAN BUDAYA "KATAKAN TIDAK KEPADA RASUAH"

Persepsi sebeginilah yang mesti diwujudkan dalam diri setiap masyarakat bagi membudayakan "*Katakan Tidak Kepada Rasuah*". Meskipun ajaran agama telah mengharamkan rasuah, undang-undang yang tegas dan badan khas ditubuhkan untuk membanteras rasuah. Namun perlakuan jenayah ini kian meningkat. Persoalannya, kenapa?

Berbalik kepada jenayah rasuah ianya bukan sesuatu yang mudah untuk di atasi meskipun hukuman berat dilaksanakan. Mengambil contoh masalah lain seperti dadah, walaupun hukuman mati mandatori dikenakan ia tetap berleluasa. Bahkan pengisytiharan Datuk Seri Abdullah Badawi ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri bahawa 2003 sebagai tahun sifar dadah hanya tinggal slogan sahaja.

Justeru itu, kertas kerja ini cuba mencadangkan ke arah mewujudkan budaya “**Katakan Tidak Kepada Rasuah**” antaranya ialah melalui:

- i. Individu
- ii. Ibu bapa

i. Individu

Faktor dalaman individu adalah penyebab utama berlakunya jenayah rasuah. Sesuatu masalah tidak akan terjadi seandainya seseorang boleh berfikir dan bertindak secara rasional. Faktor utama ialah nilai dalam diri individu itu sendiri. Setiap perbuatan yang kita lakukan akan didahului dengan niat. Sama ada sedar atau tidak, perbuatan harian kita semuanya bermula dengan niat. Daripada Umar bin Al-Khatib, Rasulullah pernah bersabda, yang bermaksud, *Amalan itu mesti ada niat, dan bahawasanya bagi setiap orang apa yang diniatkannya.* (Syed Ahmad, 1994). Syed Ahmad (1994) juga telah menegaskan, niat yang baik adalah asas bagi setiap amalan kepada Allah, sebab amalan tanpa niat yang baik, tidak akan diterima oleh Allah. Manakala amalan dengan niat yang jahat akan dimurkai oleh Allah. Itulah pokok lintasan hati yang terbit daripadanya segala gerak-geri dan kelakuan manusia. Jelasnya di sini penulis menyatakan niat adalah amalan penting dalam kehidupan harian manusia. Melalui niat yang baik dan tulus, segala sogokan rasuah tidak dapat mengaburi individu untuk melakukan rasuah. Selain itu, niat juga dilihat menentukan gerak-geri manusia dalam aktiviti harian mereka. Syed Ahmad (1994), juga menyatakan dalam menerangkan maksud niat yang baik, karektor individu dan sifat manusia akan menunjukkan sesuatu yang menakjubkan sama ada dalam amalan terhadap Tuhan ataupun hubungan sesama manusia bahkan terhadap diri sendiri. Oleh itu, sebagai manusia kita perlulah merenung, memberi perhatian dan mengambil teladan ke atas setiap niat dan tindakan yang dilakukan seharian kerana niatlah yang membentuk aktiviti harian kita sama ada yang disedari ataupun tidak. Sebagai contoh, jika kita berniat mencari rezeki yang halal, nescaya kita tidak akan terjerumus ke dalam sumber-sumber rezeki yang haram seperti rasuah.

Apabila kita merancang sesuatu untuk dilakukan pada hari tersebut, maka ianya merupakan niat. Cuma, sama ada kita tercapai apa yang diniat bergantung kepada tindakan kita. Ada masanya, niat atau perancangan kita tidak tercapai disebabkan faktor-faktor persekitaran. Mungkin ada tugas lain yang lebih penting untuk dilakukan. Walaupun tugas tersebut bukan di bawah niat asal, tetapi apabila kita melakukan tugas tersebut, ianya menunjukkan kita menurut niat dan gerak hati kita. Kita akan melakukan sesuatu sekiranya gerak hati kita memerintah agar berbuat demikian walaupun dalam keadaan terpaksa. Secara jelasnya, niat ataupun gerak hati adalah pendorong utama dalam kita melakukan aktiviti harian kita. Oleh itu, untuk melakukan sesuatu, kita perlulah menyedari akan niat kita terlebih

dahulu. Justeru sebelum memulakan niat, individu perlu menilai apakah niat dan pekerjaan mendorong kepada perbuatan negatif atau positif.

Selain daripada itu, tanpa kita sedari selalunya niat akan dinilai di fikiran kita sebelum kita melaksanakan niat tersebut. Selalunya apabila kita berniat untuk melakukan sesuatu, maka otak kita akan memainkan peranan di mana cuba berfikir sama ada niat yang kita lakukan perlu dilaksanakan atau tidak. Pemikiran kita akan menjalankan fungsi penilaian. Fikiran juga memainkan peranan penting dalam membentuk aktiviti harian kita. Menurut Ainon dan Abdullah (1996), umumnya orang percaya kepintaran dan daya berfikir adalah dua perkara yang serupa. Jadi orang pintar dipercayai ialah orang yang berfikir. Kekeliruan ini menyebabkan sistem pendidikan kita melakukan kesilapan serius. Pertama guru-guru percaya para pelajar mempunyai IQ tinggi secara automatik pandai berfikir, oleh itu mereka tidak perlu diajar berfikir. Akibatnya walaupun seseorang itu pintar, tetapi tidak dapat berfikir dengan sebaik-baiknya apabila fikiran mereka tidak dibimbing. Kurangnya bimbingan terhadap fikiran menjadi salah satu faktor kenapa masyarakat mudah terlibat dengan rasuah. Dewasa ini, ramainya yang terlibat dengan gejala ini terdiri daripada golongan cerdik pandai di mana mereka terdiri daripada golongan orang yang berkepentingan ataupun elit politik dalam negara. Contohnya, Tan Sri Kasitah Kadam dan Tan Sri Eric Chia. Mereka boleh dianggap seorang yang pintar. Malangnya mungkin fikiran yang pintar tersebut tidak dibimbing ke arah nilai-nilai murni, maka kepintaran fikiran mereka digunakan bagi memanipulasikan pangkat dan kuasa mereka untuk kesenangan peribadi. Secara tak langsung sebenarnya mereka tidak bijak walaupun mereka pintar. Kepintaran tanpa bimbingan menyebabkan kebijaksanaan mereka tidak terserlah. Sebab itulah, pemikiran perlu dibimbing untuk mengasah kebijaksanaan seseorang, Menurut Ainon dan Abdullah (1996) lagi, Seringkali kita menyangka kebijaksanaan tidak boleh diajar dan dipupuk. Ia hanya boleh dinanti. Sangkaan bahawa kepintaran boleh dipelajari manakala kebijaksanaan tidak boleh dipelajari adalah salah. Belajar berfikir, bukanlah belajar logik, seperti yang selalu disalah sangkakan. Belajar berfikir ialah belajar persepsi, kerana kebijaksanaan ialah kesan daya persepsi, atau daya tanggapan. Belajar logik tidak dapat menghasilkan kebijaksanaan, hanya kepintaran. Pendapat ini menunjukkan sesiapa sahaja boleh menjadi bijak seandainya fikiran mereka dibimbing. Sebab itu, seorang petani juga boleh berjaya dalam pertaniannya kerana menggunakan kebijaksanaan yang ada padanya walaupun ia tidak berpelajaran tinggi.

Oleh itu cara yang terbaik ialah kita perlu menjaga diri kita dahulu. Cara terbaik menjaga diri kita ialah mengenali diri kita sendiri dan menjaga hubungan diri kita sendiri. Menurut Abdul Rahman (1986), keinginan yang sama bagi setiap manusia ialah dirinya dihargai. Sebagai “aku”, sepatutnya manusia memiliki sifat rendah hati. Itulah satu-satunya yang layak dipunyai, atas kesedaran bahawa manusia dengan “aku” nya sebenarnya fana, rapuh, dan tidak punya apa-apa.

Justeru itu setiap individu perlu menanamkan dalam diri beberapa konsep yang dapat menghindari perbuatan rasuah. Terdapat lima konsep yang diperkenalkan oleh Abdullah Nasih Ulwan yang boleh membentuk budaya katakan tidak di dalam diri individu terhadap rasuah (Syamsul Bahri Andi Galigo 2000);

1. Konsep Mu'ahadah, iaitu mengingati perjanjian dengan Allah.

Sebagai hamba, manusia telah terikat perjanjian dengan Allah swt iaitu tuhan yang menciptakannya. Ibadat solat umpamanya mampu menegah manusia dari melakukan maksiat. Ia bertepatan dengan maksud ayat al Quran yang bermaksud ; *“Sesungguhnya sembahyang itu mencegah manusia daripada dosa dan kemunkaran”* (al-Ankabut 45). Untuk itu setiap individu mestilah mengamalkan ibadah yang dituntut oleh agama. Ayat 5 daripada surah al-Fatihah yang berbunyi *‘bahawa engkaulah sahaja yang kami sembah dan daripada engkaulah sahaja kami memohon pertolongan’* membebaskan manusia daripada menyembah selain Allah, mencintai sesuatu secara berlebihan dan menjadi hamba kebendaan.

Konsep ini amat bertepatan jika dikaitkan pelakuan rasuah. Ini kerana konsep mu’ahadah dapat mengingatkan diri manusia bahawa tempat meminta pertolongan jika menghadapi masalah kewangan umpamanya adalah Allah semata-mata dan bukannya menyelesaikannya melalui jalan rasuah. Begitu juga keinginan terhadap kehidupan mewah atau menjadi hamba kebendaan mendorong perbuatan rasuah. Justeru, keinginan tersebut perlulah disusuli dengan usaha gigih disamping memohon pertolongan dari Allah swt melalui doa contohnya. Sekiranya manusia mengingati perjanjian dengan pencipta nescaya mereka tidak melakukan rasuah. Ini kerana kehidupan dunia ini hanyalah kehidupan sementara sahaja manakala kehidupan akhirat kekal abadi. Sehubungan itu, konsep mu’ahadah mestilah diamalkan oleh setiap individu khususnya umat Islam agar tidak mencari jalan singkat untuk hidup mewah.

2. Konsep Muraqabah, iaitu berasa selalu diawasi dan disertai oleh Allah.

Sesungguhnya Allah sentiasa melihat dan mengetahui apa jua yang dilakukan oleh hambanya. Semua amalan dan perbuatan manusia samada baik atau buruk akan diperlihatkan di hari akhirat kelak. Dalil al Quran yang bermaksud *“Barangsiapa mengerjakan kebaikan, meskipun seberat zarah, akan dilihatnya (balasan) kebaikan itu. Barangsiapa yang mengerjakan kejahatan, meskipun seberat zarah, akan dilihatnya (balasan) kejahatan itu”* (az Zilzaal 7-8). Justeru melalui konsep ini manusia akan terdorong untuk mengerjakan kebaikan dan meninggalkan kejahatan atau ‘amar makruf nahi munkar’. Ini kerana setiap perbuatan walau sekecil zarah sekalipun tidak akan terlepas dari pandangan dan pengawasan Allah swt. Ini kerana pada setiap diri manusia Allah telah meletakkan malaikat untuk mengawas dan mencatat apa jua yang dilakukannya. Firman Allah swt ; *Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya”* (al Qaaf: 18)

Sehubungan itu, konsep ini boleh dipraktikkan oleh setiap pekerja sebagai benteng dari terlibat dengan amalan rasuah. Ini kerana jika individu merasakan bahawa tingkah lakunya diperhatikan maka beliau tidak akan berani memberi atau menerima rasuah. Sesungguhnya benteng ini suatu yang amat praktikal jika dapat disemai dalam setiap diri kerana ia terhasil dari sanubari setiap individu. Sebagai contoh, seseorang yang mengerjakan ibadat puasa tidak akan berbohong (makan secara senyap) kerana dia tahu Allah melihat apa yang dilakukannya. Begitulah juga amalan rasuah tidak akan berlaku jika mereka sedar perbuatan mereka adalah suatu dosa dan sedang dilihat oleh Allah swt. Seandainya setiap individu dapat mengimplimentasikan konsep ini dalam hidup nescaya jenayah rasuah dapat dikurangkan dalam masyarakat.

3. Konsep Muhasabah, iaitu tahu dirinya, kemampuan yang ada padanya, tahu perhitungan, tahu posisi dan peribadinya dalam berinteraksi dalam persekitarannya.

Manusia diciptakan Allah swt sesuai dengan kemampuannya. Inilah yang perlu disedari oleh setiap individu melalui muhasabah diri. Firman Allah swt yang bermaksud “*Allah tidak membebankan manusia melainkan sekadar kemampuannya*” (al-Baqarah 286). Setiap manusia ada tahap dan kemampuan masing-masing samada dari segi ilmu, kepandaian, kekayaan, fizikal dan sebagainya. Hakikat ini perlu diterima bersesuaian dengan qada dan qadar yang ditentukan sejak azali lagi. Meskipun manusia digesa berusaha dan boleh merubah kepada suatu yang lebih baik. Namun demikian ia mestilah dengan jalan dan saluran yang diredhai oleh Allah swt. Justeru melalui muhasabah diri, individu akan menyedari hakikat diri dan mengelakkan daripada mengubah dengan cara yang menyalahi agama dan undang-undang.

Amalan rasuah berlaku apabila individu tidak kenal dirinya, tetapi ingin menjadi seperti orang lain. Justeru apabila melihat orang lain hidup mewah maka dia juga ingin hidup mewah walaupun pada dasarnya ia di luar kemampuan dirinya. Sehubungan itu, ia mendorong kepada perbuatan rasuah bagi memenuhi keinginan yang ingin dicapai dan memenuhi kehendaknya. Selain itu tindakan yang dilakukan untuk mengubah kepada kehidupan yang lebih baik adalah suatu yang dituntut. Namun demikian cara tindakan yang diambil menyalahi syariat. Justeru itu tiada jalan pantas yang dapat memenuhi kehendak setiap manusia. Muhasabah diri juga dapat membantu individu jika segala usaha baik yang dilakukan tidak berjaya. Ini kerana setiap perkara yang berlaku ada sebab musababnya atau ada hikmah dibaliknya. Secara tidak langsung tidak akan berlaku kekecewaan di atas apa yang berlaku.

4. Konsep Mu'aqabah, iaitu memberi hukuman terhadap diri sendiri.

Seorang insan yang baik dan terpuji ialah yang berani mengaku kesalahannya. Justeru jalan untuk kembali ialah dengan bertaubat untuk tidak melakukannya lagi. Selain itu bertindak memulangkan kembali hak sekiranya ia membabitkan sesama manusia. Sebagai hamba yang lemah, manusia tidak dapat lari dari melakukan kesilapan. Namun demikian Allah swt memberi peluang menebus kembali kesilapan tersebut. Setiap manusia mempunyai kesalahan samada kecil atau besar kecuali para nabi yang bersifat maksum iaitu bebas daripada dosa kecil dan besar. Oleh itu, amalan bertaubat perlu di amalkan oleh setiap manusia kerana setiap hari kita melakukan dosa. Antara seringan-ringan taubat ialah selalu beristighfar kepada Allah swt. Semoga diampunkan dosa yang dilakukan dan dihindari dari dosa-dosa mendatang.

Bagi individu yang pernah terlibat rasuah, konsep mu'aqabah dapat menebus dan menjadi benteng dari melakukan rasuah sekali lagi. Pelaku rasuah akan terdorong untuk melakukannya berulang kali. Ini kerana habuan atau ganjaran yang diterima adalah berbaloi untuk memenuhi kehendak nafsu. Melalui konsep ini pelaku rasuah akan menginsafi diri dan seterusnya bertaubat dengan taubat nasuha iaitu tidak akan mengulanginya lagi. Ini secara tidak langsung dapat mengekang daripada berleluasanya gejala rasuah di dalam masyarakat. Sehubungan itu, ia juga dapat

membentuk personaliti diri yang kuat untuk mengelakkan rasuah bahkan juga boleh menjadi benteng pembasmi rasuah di dalam masyarakat umumnya dan di dalam keluarga khususnya.

5. Konsep Mujahada. Iaitu bersungguh-sungguh dalam kehidupan, optimis dalam bekerja dan berjuang.

Umat Islam disaran berusaha bersungguh-sungguh dalam mengejar apa jua yang dikehendaki. Sesungguhnya kehendak manusia tidak terbatas tetapi ianya dapat diatasi melalui keyakinan dan ketekunan. Jika setiap individu optimis dalam kerjaya atau usaha, kejayaan pasti menjadi miliknya. Ini dapat mengelakkan individu daripada mengharap sesuatu habuan secara mudah seperti rasuah. Jika konsep mujahada tertanam dalam diri setiap insane maka rasuah tidak akan berlaku. Ini kerana setiap pekerjaan sudah ditetapkan ganjaran atau upahnya. Jadi apa-apa habuan selain yang sepatutnya tidak wajar diterima apatah lagi ianya rasuah yang nyata haram dalam Islam. Bahkan ianya juga salah dari segi undang-undang.

Penulis menekankan di sini bahawa manusia sebenarnya amat menghargai dirinya dan seboleh-bolehnya mengharapkan dirinya agar dihargai oleh orang lain juga. Walaupun begitu, manusia seringkali melakukan kesilapan. Oleh itu, hanya niat yang baik dan fikiran yang bijaksana sahaja yang mampu mengawal manusia daripada melakukan atau mengulangi kesilapan yang sama. Jadi cara yang terbaik bagi manusia ialah mengenali diri sendiri dan seterusnya menilai diri melalui muhasabah diri. Kehidupan kita seringkali dianggap tidak lengkap apabila dibandingkan dengan orang lain. Tetapi, seandainya, kita merasa cukup senang dengan diri kita sekarang, maka kita akan menghargai setakat mana kemampuan yang kita ada, dan hati kita tidak akan terbuka untuk mendapatkan sesuatu ganjaran melalui jalan yang salah.

ii. Ibu Bapa

Seterusnya penulis menyarankan agar budaya menolak rasuah perlu di asuh dan ditanam kepada anak-anak sejak kecil lagi. Di sini peranan ibu dan bapa amatlah penting bagi mewujudkan budaya “Katakan Tidak Kepada Rasuah”. Anak yang baru dilahirkan ibarat kain putih dan ibu bapalah yang bertanggungjawab mencorakkan perilaku anak mereka. Oleh sebab itu, selain benteng diri setiap individu dapat mengelakkan perbuatan rasuah. Didikan ibu bapa juga antara langkah yang berkesan dapat diterapkan dikalangan masyarakat bagi mengurangkan masalah ini.

Dari segi konsepnya, ibu bapa selalu dirujuk sebagai manusia yang mempunyai anak. Walaupun secara keseluruhannya, perkataan ini digunapakai sejak zaman Adam a.s dan Hawa a.s lagi, tetapi maksudnya secara tepat mungkin masih kabur sehingga kini. Tetapi, menurut Hamner (2001), ibu bapa bermaksud seseorang yang bertanggungjawab terhadap anak biologinya. Manakala menurut kamus dewan edisi tiga (2002), ibu bapa bermaksud orang tua yakni emak dan ayah. Selain itu menurut Hammer and Turner, (2001), *The term “parent” comes from the words parens, meaning “give birth”*. Oleh itu, secara jelasnya, ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka.

Tanggungjawab terhadap anak bukan sahaja terhadap anak kandung malahan terhadap anak angkat selagi anak tersebut di bawah jagaan kedua ibu bapa.

Kehidupan manusia akan berubah dari semasa ke semasa. Mengikut putaran hidup, setiap insan akan berubah daripada seorang bayi kepada kanak-kanak, seterusnya kepada remaja, dewasa, ibu-bapa, datuk, nenek dan akhirnya mati. Sesebuah kehidupan tidak akan sama setelah kelahiran anak yang pertama. Menurut kajian oleh Hammer and Turner (1994), selepas pasangan suami isteri menjadi ibu dan bapa, mereka akan menghadapi krisis. Tetapi, kebanyakan kajian terbaru pula menunjukkan pertambahan anak dalam sesebuah keluarga akan mengurangkan krisis seterusnya mewujudkan perubahan dalam keluarga tersebut.

Oleh itu, ibu bapa perlulah menyedari perubahan yang perlu diwujudkan dalam kehidupannya setelah memiliki anak. Ini bermaksud, tanggungjawab dalam kehidupan mereka kian bertambah. Di samping bertanggungjawab ke atas diri sendiri dan pasangan, sebagai ibu bapa pula tanggungjawab adalah penting untuk anak-anak. Menurut Dra dan Singgih (1982), sebenarnya fungsi keluarga tidaklah terbatas hanya untuk meneruskan keturunan sahaja. Dalam bidang pendidikan, keluarga merupakan sumber pendidikan utama, kerana segala pengetahuan dan kecerdasan intelektual manusia diperolehi oleh kanak-kanak dari orang tua dan anggota keluarganya sendiri. Tetapi malangnya, keluarga masa kini sudah banyak kehilangan fungsi dan ertinya. Fungsi pendidikan sudah diserahkan pada lembaga pendidikan seperti sekolah. Walaupun pendidikan sekolah tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam pembentukan anak-anak seperti saranan oleh Hilmi Yahya, 2002, budaya anti rasuah perlu diterapkan secara berterusan di kalangan pelajar bermula daripada sekolah rendah kerana mereka mudah menerima ajaran pada usia muda, tetapi peranan ibu bapa lebih penting dalam menanam sifat antirasuah ini. Selain itu, kesibukan ibu bapa dengan karier menyebabkan tanggungjawab terhadap anak-anak juga mula dipindahkan kepada pembantu rumah. Sebenarnya anak-anak amat memerlukan ibu bapa sebagai sumber rujukan. Menurut kajian Hanafiah, 1997, Secara umumnya, interaksi antara ibu bapa dengan remaja kurang memuaskan. Didapati 23.9% langsung tidak berinteraksi dengan anak mereka. Di kalangan yang berinteraksi, 51.8% kurang daripada dua jam. Selain itu, persepsi ibu bapa menunjukka bahawa 79.2% daripada remaja boleh menyelesaikan masalah mereka, sedangkan remaja menganggap 69.2% daripada ibu bapa dapat menyelesaikan masalah mereka dengan baik dan sangat baik.

Dari sudut rekreasi pula, anak-anak moden masa kini lebih selesa berintegrasi dengan teknologi daripada berkongsi aktiviti riadah bersama ibu bapa. *Video game* dijadikan permainan utama. Keadaan bertambah rumit apabila mereka lebih selesa bermain *video game* diluar rumah daripada yang disediakan oleh ibu bapa. Jadi, secara tidak langsung pembentukan peribadi anak-anak langsung diabaikan oleh ibu bapa. Seterusnya, anak-anak tidak dibimbing fikiran mereka sendiri tanpa tunjuk ajar yang lebih berkesan oleh ibu bapa.

Sebenarnya, untuk membentuk masyarakat yang berjiwa murni ianya bermula daripada rumah. Peranan ibu bapa adalah penting dalam membentuk sahsiah anak-anak agar mereka menjadi manusia yang berguna untuk agama, bangsa dan negara. Pendekatan ibu bapa yang mengajar tentang yang mana baik dan buruk termasuk amalan rasuah adalah penting memandangkan amalan rasuah masa kini telah dianggap sebagai barah yang kian membengkak dan merebak dalam masyarakat kita.

Walaupun kita tidak menggunakan kata rasuah tetapi kita perlu mengajar anak-anak bahawa menerima ganjaran atas perbuatan yang salah pada etika moral dan undang-undang adalah salah. Amalan memberi ganjaran pada anak-anak untuk perbuatan yang salah seperti membeli rokok untuk bapa perlulah dielakan sama sekali. Selain itu, ibu bapa juga perlu menjadi model kepada anak-anak dalam mentadbir rumah tangga. Suatu hari nanti mereka juga akan menjadi pentadbir pada masa hadapan sama ada dalam rumah tangga mereka ataupun mungkin sebuah organisasi. Ibu bapa masa kini seringkali menganggap anak-anak tidak memerhati akan tindakan kita. Hakikatnya mereka memerhati serta menilai segala tindak tanduk kita. Seterusnya mereka akan mengumpul maklumat sendiri dan mentafsirkan sendiri tentang kita sebagai ibu bapa mereka. Sekiranya kita menyedari akan hal itu, dan cuba membantu dan membimbing fikiran mereka walaupun tentang persepsi mereka pada kita, maka kita mampu membentuk mereka agar lebih bijak berfikir untuk masa hadapan.. Tetapi seandainya, kita membiarkan mereka menilai sendiri tanpa bimbingan, maka pelbagai spekulasi dilakukan oleh mereka, dan seterusnya membentuk gaya hidup mereka tanpa kita sedari. Oleh itu, sebagai ibu dan bapa, peranan kita adalah penting dalam membimbing anak-anak kita agar menjadi masyarakat yang berguna untuk agama, bangsa dan negara.

Selain itu aspek yang sering dilupakan ialah mengenai pemakanan seharian bagi sekeluarga. Mencari nafkah keluarga adalah tanggungjawab bapa, dan kini kaum ibu turut terlibat dalam menambah nafkah keluarga. Justeru Islam menekankan ibu bapa mencari rezeki yang halal lagi suci. Suruhan ini sering dianggap mudah oleh umat Islam hari ini. Buktinya adalah berleluasanya amalan rasuah di dalam negara khususnya di kalangan umat Islam. Hukum pengharaman rasuah telah jelas dalam al Quran dan Hadis. Namun demikian masih ramai ibu bapa yang sanggup menyuap makanan haram kepada anak-anak mereka. Ini bertentangan dengan saranan Islam yang bermaksud:

Hai orang yang beriman, makanlah rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar kepada-Nya sahaja kamu sembah (al Baqarah 172)

Dalam ayat yang lain pula Allah berfirman;

Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik daripada apa yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikut langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan musuh yang nyata bagimu. (al Baqarah 168)

Dalam mencari rezeki seharian, ibu bapa perlu sedar bahawa makanan yang dimakan seharian akan menjadi darah daging dan membina tubuh badan. Sebab itulah, antara didikan awal dalam Islam ialah memberi makan yang halal dan baik-baik kepada anak-anak. Ini kerana melalui makan jua ia akan membentuk peribadi dan akhlak anak-anak. Ia bertepatan dengan mafhum sebuah hadis Rasulullah SAW bahawa dalam tubuh manusia ada segumpal darah, jika baik ia baiklah seluruhnya (tubuh), jika rosak ia maka rosaklah seluruhnya (tubuh), ia adalah hati. Maka sebab itulah, ibu bapa mesti waspada dan prihatin terhadap sumber rezeki yang diterima. Amalan rasuah umpamanya, adalah salah satu sumber rezeki yang haram dalam Islam bahkan disisi undang-undang negara.

Sehubungan itu, kesedaran ibu bapa adalah perlu dalam menghakis amalan rasuah dalam masyarakat. Salah satu yang boleh dilakukan ialah:

- i. Berusaha mencari rezeki dari sumber halal untuk keluarga dan mengelakkan daripada amalan rasuah.
- ii. Makanan dari sumber haram yang dimakan anak-anak akan menjadi darah daging (hati). Akhirnya melahirkan anak-anak dan keturunan yang rendah akhlak, peribadi dan sebagainya.

Kesimpulan

Jenayah rasuah telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi sehingga hari ini. Namun demikian, bukan bererti rasuah tidak dapat diatasi oleh masyarakat. Hukum pengharaman telah jelas di dalam al Quran dan al Sunnah, agen pencegahan telah ditubuhkan dan undang-undang yang tegas telah pun dikuatkuasakan. Namun untuk menghapuskan amalan rasuah sama sekali bukanlah suatu yang mudah untuk dilakukan. Justeru itu, penulis mengesyorkan agar budaya “Katakan Tidak” kepada rasuah dilaksanakan dalam masyarakat. Sehubungan itu, peranan setiap individu dan ibu bapa dilihat suatu yang amat berkesan dalam mewujudkan budaya menolak rasuah dalam kehidupan masyarakat. Wallahualam Bi Sawab.

Bibliografi

Abdul Karim ali dan Raihanah Hj Azahari, 1999, *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Khairon Ilmu Enterprise, Selangor.

Abdur Rahman I. Doi. (1995). **Undang-undang Syariah**. Rohani Abdul Rahim (ter). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Sarji Abdul Hamid (1994), *Perkhidmatan Awam Malaysia Satu Peralihan Paradigma*, Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur.

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 1996, *Belajar Berfikir, Teknik Menajamkan Daya Fikir*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Al Quran dan Terjemahan.

Belkin, G.S, 1982, *Psychology of Adjustment*, Stanley Nass, US.

Dan, J, 2002, *Progress Against Corruption, Futurist, Vol. 36 Issue 2*.

DBP, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2002, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Fariza Md Sham, Sulaiman Ibrahim, Ideris Endot (2000). **Dakwah dan Perubahan Sosial**. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Hammer, T.J and Turner, P.H, 2001, *Parenting In Contemporary Society, Fourth Edition*, Allyn and Bacon, Singapura.

Iman Ahmad Ar-Rifa'I, terjemahan Syed Ahmad Semait, 1994, ***Benting Diri Hakikat Dalam Makrifat Kepada Allah***, Pustaka Nasional PTE LTD, Singapura.

K.H. Abdurrahman Arroisi, 1986, ***Keberadaan Manusia di Muka Bumi***, CV Rosda, Bandung.

Mingguan Malaysia, 29 Disember 2002, ***Tekan Pendidikan Cegah Rasuah di Peringkat Awal***, Norlizah Abas.

Ny. Gurnasa, Y.S dan Gunarsa S.D, 1982, ***Psikologi Untuk Keluarga***, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Osman ali, Hanafiah Mohd Salleh dan rakan-rakan, 1997, ***Isu-isu Kesihatan Masyarakat***, UKM, Bangi.

Quah, Jon S.T, 1999, ***Corruption in Asian Countries: Can It Be Minimized? Public Administration Review, Vol. 59 Issues 6.***

Syed Hussein Alatas, 1980, ***The Sociology of Corruption***, Times Book Intyernational, Singapura.

Toameh, Khaled Abu, Defner and Larry, ***A State of Corruption. U.S. News & world Report, Vol. 133 Issue 1.***

Utuasan Malaysia, 26 Ogos 2000, ***Rasuah: Sifat Tamak dan Bukan Kerana Bergaji Rendah.***

Webb, R. and Tossell, 1999, ***Social Issues For Carers, Towards Positive Practice***, Arnold, London.

Zulkifli Idris, ***Kertas Kerja: Seminar Kebangsaan Kerajaan Tempatan 98' Ke arah Pemantapan Keutuhan Pengurusan PBT***, Anjuran bersama INTAN dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.